

## **MANHAJ RABBANI UMMAH BERKUALITI**

Oleh  
**DATO' ZAKARIA STAPA**  
**(Profesor Emeritus Pengajian Islam**  
**UKM)**

### **PENDAHULUAN**

Fokus utama tulisan ini jelasnya tertuju kepada kemahuan untuk mewujudkan ummah berkualiti yang boleh dijayakan melalui manhaj rabbani. Justeru, mauduk risalah ini boleh difahami dalam pengertian bahawa ummah boleh menjadi berkualiti menerusi pelaksanaan manhaj rabbani dalam kehidupan bermasyarakat. Atau dalam lain perkataan, apabila manhaj rabbani diterapkan dalam kehidupan ummah, maka mereka boleh dan berupaya muncul sebagai ummah yang berkualiti. Oleh itu, penulisan risalah ini akan menjurus ke arah yang sedemikian dan akan melibatkan analisis terhadap beberapa sub-topik seperti berikut:

- Ummah berkualiti: Apa konotasi maknanya?
- Manhaj Rabbani: Konsep dan Pelan Induk
- Pelaksanaan Pelan Induk: Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti

Kesemua sub-topik di atas amat perlu dianalisis dengan baik bagi mempertegas dan mengesahkan perkara-perkara asas dalam ajaran Islam seperti berikut:

1. Bahawa manhaj rabbani merupakan satu instrumen yang sesuai diguna pakai untuk melahirkan ummah berkualiti, sekalipun dalam tempoh zaman pascamoden sekarang yang dipacu perjalanan oleh tamadun kebendaan Barat, lalu menyediakan cukup beranika ragam sekali cabaran dan

rintangannya terhadap nilai-nilai yang dikehendaki oleh ajaran Islam yang berpaksikan nilai-nilai kerohanian.

2. Sesungguhnya kesesuaian instrument yang digunakan dalam konteks ini adalah cukup penting untuk mempertegaskan hakikat betapa Islam merupakan satu sistem atau cara hidup yang sesuai untuk makhluk manusia pada setiap masa dan di semua tempat.
3. Mempertegaskan secara sungguh-sungguh bahawa sekiranya manhaj rabbani tersebut didapati bercanggah dan tidak sesuai dengan kehendak dan keperluan makhluk manusia pada era pascamoden sekarang misalnya, maka itu bermakna bahawa makhluk berkenaan sudah tidak lagi berada dalam keadaan fitrah diri mereka yang sebenar; mereka sudah lari daripada hakikat sebenar diri, lalu mencipta pelbagai bentuk keperluan palsu yang diadakan atas dorongan dan kehendak nafsu kebinatangan yang kemahuannya tidak pernah menemui titik noktah.

### **UMMAH BERKUALITI: APA KONOTASI MAKNANYA**

Perkara pertama yang perlu diberikan tumpuan dalam konteks ini ialah istilah “kualiti” itu sendiri. Istilah ini perlu jelas bagi membolehkan terbentuknya kefahaman tentang ungkapan “ummah berkualiti”. Pada dasarnya, kualiti dertiakan sebagai kecemerlangan, keunggulan, ketinggian nilai dan mutu. Apabila kualiti digunakan untuk menjelaskan tentang seseorang manusia, maka ia merujuk kepada satu ciri atau sifat tersendiri yang dimiliki oleh orang berkenaan yang membezakannya daripada orang lain. Namun, dalam keadaan semasa, istilah “kualiti” selalunya dibicarakan dalam lingkungan sesuatu produk tertentu atau sesuatu perkhidmatan yang ditawarkan. Dalam kata lain, ia merupakan istilah yang biasa digunakan dalam bidang bisnes yang mempunyai ukuran dan parameter tersendiri. Dengan itu, istilah “kualiti” merujuk kepada sejumlah perkara atau ciri yang perlu wujud dalam sesuatu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada para pelanggan. Ia meliputi misalnya aspek-aspek seperti memiliki ciri-ciri komersial, memenuhi kehendak

pelanggan, sesuai untuk kegunaan, berdaya saing, tanpa kecacatan dan menghampiri kesempurnaan (Enrique Daiz 2014; Fazilah Azni Ahmad 2008; ms.encyclopedia-titanica.com 2021; Market Business News 2021).

Walau bagaimanapun, dalam konteks penulisan ini kualiti merujuk kepada manusia, bukannya produk barang atau perkhidmatan. Justeru, ciri-ciri dan sifat kecemerlangan dan keunggulan milik seseorang manusia menjadi penentu kepada kualiti dirinya. Ini bermakna bahawa perihal ukuran dan parameter tertentu adalah diperlukan untuk menentukan berkualiti atau sebaliknya seseorang manusia tersebut. Adapun berkaitan dengan ungkapan “ummah berkualiti”, maka istilah “ummah” dalam penggunaan di sini merujuk kepada suatu kumpulan masyarakat yang mungkin sahaja berbeza-beza daripada segi suku, ras, budaya dan sejarah, namun mereka memiliki tujuan hidup bersama untuk melaksana dan mengaktualisasikan kehendak-kehendak Allah SWT dan mereka disatukan melalui ideologi yang kuat dan komprehensif, iaitu agama Islam bersama-sama segala ajarannya (Muhammad Faqih 2021). Oleh itu, ummah berkualiti memerlukan wujudnya ukuran dan parameter tertentu yang boleh diguna sebagai penanda aras kualiti ummah berkenaan. Oleh sebab “ummah” dalam risalah ini dirujuk kepada umat Islam, maka penentuan ukuran dan parameter tersebut mestilah berpandukan rujukan autoritatif Islam, khususnya al-Qur'an sebagai sumber utama ajaran Islam. Dalam kata lain, daripada perspektif al-Qur'an, ukuran, parameter dan ciri-ciri manusia yang bagaimana yang boleh dikategorikan sebagai individu atau ummah yang berkualiti.

Dalam al-Qur'an terdapat sejumlah istilah dan ungkapan yang menggambarkan kerapatan hubungan manusia dengan Allah SWT serta memperincikan ciri-ciri tertentu yang menandakan manusia berkenaan mendapat dan berada dalam keredhaan Allah SWT. Golongan yang terungkap dalam istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan berkenaan pastilah merupakan golongan yang unggul, cemerlang, dan berkualiti tinggi di sisi Allah SWT. Istilah atau ungkapan tersebut termasuklah, antara lain, *al-taqwa* bersama-sama pelbagai deravatifnya yang boleh ditemui dalam al-Qur'an iaitu di 258 tempat, “*ibad al-Rahman*” (al-

Furqan, 25:63-76) dan ungkapan yang kelihatan paling komprehensif dan amat mendasar, sehingga ia mendasari dan menunjangi semua ungkapan dan istilah lain ialah ungkapan al-Qur'an: "Amanu wa 'amilu al-salihat" (beriman atau memiliki akidah dan mengamalkan amalan soleh). Sekalipun ungkapan ini hanya terungkap di 46 tempat sahaja sepanjang lembaran al-Qur'an, namun secara asasnya semua istilah dan ungkapan lain terkumpul dibawahnya atas dasar bahawa sesiapa juga daripada kalangan manusia yang ingin mendekatkan diri kepada Allah SWT lalu dengan kedekatan tersebut muncul pelbagai istilah untuk memerihalkan sifat dan ciri orang berkenaan termasuk misalnya "*ibad al-Rahman*" — mestilah memulakan kerjaya mereka dengan mengisyiharkan keimanan kepada Allah SWT terlebih dahulu. Sedangkan ungkapan "*amilu al-salihat*" itu yang secara sekaligus memerihalkan tentang aspek akhlak mulia yang muncul dalam tingkahlaku orang yang beriman itu pula merupakan bidang tugas utama kerasulan Rasulullah SAW itu sendiri (al-Zarqani 1962). Di sini bermakna bahawa paksi iman dan akhlak yang menunjangi ungkapan "amanu wa 'amilu al-salihat" merupakan instrument pengukur untuk mengukur kualiti ummah.

Jelaslah bahawa konotasi makna yang tersirat dalam ungkapan "ummah berkualiti" merujuk kepada golongan ummah yang merealisasikan dalam kehidupan harian mereka apa yang terungkap dalam tuntutan al-Qur'an: "Amanu wa 'amilu al-salihat". Dalam perkataan lain, ummah berkualiti itu ialah ummah yang menghayati tuntutan yang terkandung dalam ungkapan al-Qur'an: "Amanu wa 'amilu al-salihat". Walau bagaimanapun, untuk melihat secara lebih jelas, persoalan ini perlulah dianalisis sedikit tentang tahap dan nilai iman serta pegangan akidah yang bagaimana boleh dipastikan pemiliknya akan membuat gesaan dan tuntutan supaya dia mengamalkan amalan soleh. Hal ini berbangkit kerana dalam kehidupan harian sememangnya amat mudah sekali ditemui orang yang dikenali sebagai Muslim dan beriman, namun tidak pun melakukan amalan soleh yang dituntut oleh agama, malah terlibat pula dalam perlakuan sebaliknya. Di samping itu, perlu juga dijelaskan apa yang sebenarnya terkandung dalam istilah atau ungkapan "*amilu al-salihat*" tersebut. Pencerahan-pencerahan ini boleh memantapkan lagi kefahaman dalam persoalan yang sedang dibicarakan ini.

Justeru, perlulah dicerakinkan di sini tahap serta nilai iman dan pegangan akidah yang bagaimana yang perlu diterapkan secara bersungguh-sungguh dalam diri setiap Muslim bagi mengesahkan mereka boleh berfungsi dengan baik serta memberi komitmen jelas terhadap pelaksanaan amalan soleh yang dituntut agama. Oleh yang demikian, apa yang perlu diberi fokus di sini adalah memahami konsep iman atau akidah itu sendiri yang isi kandungannya tidak lain tidak bukan ialah kandungan enam Rukun Iman yang cukup asas dalam ajaran Islam.

Menurut Sayyid Sabiq (t.th.) di dalam *al-<sup>c</sup>Aqa'id al-Islamiyyah*, iman atau akidah tersebut merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan yang cukup pasti lagi putus terhadap sesuatu yang diimani, tanpa sebarang rasa syak dan keraguan. Justeru, hakikat akidah atau iman yang sebegini — menurut pandangan kalangan sarjana Muslim semasa seperti 'Ali Jum'ah (2011), Yusuf al-Qaradawi (1977) dan 'Abd al-Rahman al-Maydani (1966) sebagaimana tercatat dalam tulisan-tulisan mereka — mestilah mengandungi nilai-nilai dan ciri-ciri berikut:

1. Keimanan itu mestilah berasaskan kefahaman minda dan ilmu yang mantap, di mana ilmu itu pula mestilah diperolehi daripada wahyu Ilahi;
2. Keimanan itu mestilah berada dalam keadaan yang cukup teguh sehingga ia tidak boleh menerima sebarang bentuk syak dan tidak mungkin digugat oleh sebarang alasan atau hujah lain.
3. Keimanan itu mesti bersama dengan kepatuhan hati dan penyerahan iradah untuk mempraktikkan segala suruhan dengan penuh rasa rela; dan
4. Keimanan itu mestilah berupaya menjadi pencetus segala aktiviti dan perlakuan pemiliknya, iaitu pada taraf wujudnya rasa kemahuan yang amat berkobar-kobar untuk melaksanakan kerja dan suruhan yang terkandung dalam akidah yang dipegang.

Hanya setelah semua ciri di atas terpenuh secara sempurna dalam kepercayaan dan keyakinan seseorang, barulah iman atau akidah itu terangkat menjadi akidah dalam pengertiannya yang sejati dan tulen. Tanpa

sampai ke tahap, dan tidak terbentuk dalam acuan serta ciri-ciri seperti yang dicatatkan di atas, maka ia hanya boleh dianggap sebagai tidak lebih daripada hanya suatu "idea", "teori" atau "pandangan"; bukannya akidah atau iman dalam sifatnya yang tulen dan menepati sebagai satu istilah yang teknikal (al-Qaradawi 1977). Dengan pemenuhan semua ciri iman atau akidah yang sebegini, maka akan muncullah satu bentuk akidah yang benar kerana ia bersumberkan kemantapan ilmu yang disedut secara sah daripada wahyu Ilahi; di samping ia juga cukup kental dan malahan cukup dinamik, yang akan membawa para pemiliknya melaksanakan segala tugas keagamaan — dalam bentuk suruhan atau larangan — dengan penuh tekun, tanpa sebarang dalih.

Berdasarkan catatan di atas, maka rumusannya jelas bahawa amalan soleh yang menjadi turutan kepada iman berdasarkan ungkapan al-Qur'an: *Amanu wa 'amilu al-salihat* tersebut hanya boleh muncul secara pasti dalam kelakuan dan perbuatan Muslim yang memiliki keimanan dan pegangan akidah tulen bersama-sama ciri-ciri seperti yang tersebut di atas. Justeru, jelaslah bahawa jenis dan tahap iman dan pegangan akidah yang semestinya terhayat dalam diri kalangan Muslim, sehingga mereka boleh digantung harapan bagi melaksanakan amalan soleh adalah jenis iman dan akidah tulen yang memenuhi semua ciri yang disentuh di atas.

Seterusnya, untuk melihat secara lebih jelas keserasian hubungan timbal baik di antara iman dan amal soleh, maka perlulah diberikan sedikit lagi analisis, khususnya berkaitan dengan ungkapan '*'amilu al-salihat* (amal soleh) sebagaimana terungkap di dalam al-Qur'an tersebut. Menurut Mustansir Mir (1987) di dalam Dictionary of Qur'anic Terms and Concepts, ungkapan al-Qur'an tersebut merujuk kepada semua perbuatan atau kerja melaksanakan perintah Allah SWT dengan penuh ikhlas demi untuk mencapai keredhaan-Nya. Atau sebagaimana dicatat oleh Prof Dr M Yunan Yusuf (2010) di dalam Tafsir Juz 'Amma: As-Siraju'l Wahhaj, ungkapan tersebut merujuk kepada perbuatan-perbuatan yang dilakukan secara sedar untuk mendatangkan manfaat atau menolak kerosakan atau yang sesuai

dengan fungsi, sifat dan kondisi sesuatu. Justeru, kalau diambil kira bahawa Islam merupakan agama yang syumul dan cakupannya adalah seluruh kehidupan zahir-batin manusia dalam hubungan mereka yang bersifat vertikal dan horizontal, maka tentu sekali ruang lingkup amal soleh itu amat luas sekali, seluas kehidupan manusia itu sendiri.

Adapun keserasian hubungan antara iman dengan amal soleh itu pula, maka kedua-duanya mempunyai hubungan yang bersifat *integral*, di mana iman yang tulen semestinya membawa kepada amal soleh, sedangkan amal soleh pula mestilah secara tabiinya muncul daripada iman yang tulen. Dalam perkataan lain, iman yang tulen mestilah memancarkan amal soleh, sedangkan amal soleh semestinya terpancar daripada iman yang tulen (Mustansir Mir 1987; M Yunan Yusuf 2010). Justeru, amat perlu dipertegaskan di sini bahawa dalam usaha untuk mengesahkan terwujudnya personaliti ummah berkualiti dalam kehidupan nyata, maka iman atau akidah yang benar-benar tulen yang secara tabi'inya akan memunculkan gaya hidup yang sentiasa konsisten mengamalkan amalan soleh mestilah diusahakan sehabis kudrat supaya wujud dan terhayat dalam diri setiap individu ummah. Perkara ini akan boleh direalisasikan dalam kehidupan ummah dengan menggunakan secara teliti dan tepat manhaj rabbani yang akan dianalisis selepas ini.

## **MANHAJ RABBANI: KONSEP DAN PELAN INDUK**

Perlu dicatatkan di sini bahawa manhaj rabbani kini menjadi dasar dalam pentadbiran kerajaan Malaysia, khususnya dalam pentadbiran hal ehwal Islam. Perkara ini diisyiharkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri ketika berucap dalam Majlis Perhimpunan Agensi-Agenzi di Bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada akhir Januari 2021. Ini merupakan satu petanda baik yang menggambarkan hasrat, usaha dan komitmen berterusan kerajaan Malaysia untuk menjadikan Islam sebagai paksi dalam kehidupan harian ummah.

Istilah “rabbani” ialah istilah yang terdapat di dalam al-Qur'an, khususnya dalam bentuk jamak kepada istilah tersebut (Ali 'Imran, 3:79; al-Ma'idah, 5:44, 63). Justeru, berdasarkan istilah “*Rabbaniyyin*” yang terdapat dalam Surah Ali 'Imran ayat 79:

(Maksudnya): “Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya kitab agama, dan hikmah serta pangkat nabi, kemudian dia tergamac mengatakan kepada orang ramai: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan penyembahan Allah”. Tetapi (yang sepatutnya kenalah dia berkata): “Hendaklah kamu menjadi orang *Rabbaniyyin* (yang menyembah Allah semata-mata dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya”.

Kalangan ahli tafsir menjelaskan tafsiran mereka terhadap istilah tersebut. Ibn Kathir (2015) misalnya, mengambil pandangan *mufassir* tersohor seperti Ibn 'Abbas, al-Hasan al-Basri, Qatadah serta beberapa orang lain menjelaskan bahawa istilah “rabbani” adalah merujuk kepada golongan ahli hikmah, ahli ibadah, fuqaha' serta ulama' yang santun dan bertakwa yang mengajar dan menghafal kitab Allah SWT. Al-Baydawi (Hailan Salaman dan Ashraf Abd Rahman 2015) menjelaskan bahawa golongan rabbani ialah orang yang mempunyai ilmu yang sempurna dan mengamalkan ilmu yang dimiliki. Al-Alusi (Hailan Salaman dan Ashraf Abd Rahman 2015) pula mentafsir istilah “rabbani” berdasarkan (a) pandangan Sayyidina 'Ali dan Ibn 'Abbas RA yang mengatakan istilah “rabbani” merujuk kepada orang yang benar-benar berilmu; (b) pandangan Qatadah yang mengatakan golongan rabbani ialah orang yang berilmu dan bijaksana; (c) pandangan Ibn Jubir yang merujuk golongan rabbani sebagai orang berilmu dan bertakwa; dan (d) pandangan Ibn Zaid yang mengatakan golongan rabbani sebagai orang yang bijak mentadbir segala urusan manusia. Sedangkan Sayyid Qutb (2000) di dalam Fi Zilal al-Qur'an pula menjelaskan bahawa rabbaniyyin ialah kalangan orang yang menghubungkan dirinya kepada Allah SWT selaku hamba-hamba-Nya dan menghadap diri kepada-Nya dengan amalan-amalan ibadat, mengambil undang-undang serta peraturan hidup daripada Allah SWT serta mempunyai ilmu tentang kitab suci al-Qur'an kerana mempelajarinya.

Berdasarkan tafsiran kalangan *mufassir* di atas dapatlah difahami bahawa golongan rabbani ialah mereka yang mempunyai ciri-ciri berilmu dan beramal dengan ilmu yang dimiliki, bertakwa, bijaksana, ahli ibadat, ahli hikmah, fuqaha' serta bijak mentadbir segala urusan manusia. Walaupun terdapat perbezaan ciri yang diberikan oleh kalangan *mufassir*, namun kesemua ciri inilah yang mendasari dan menunjangi personaliti golongan yang diistilahkan sebagai "rabbani". Dengan itu al-Qaradawi (1981) misalnya, ketika mendefinisikan istilah "rabbani" ini tidak lari daripada ciri-ciri yang diberikan oleh para *mufassir* apabila beliau mengatakan bahawa golongan rabbani itu ialah orang yang erat hubungan dengan Allah SWT, alim dengan agama Allah dan kitab-Nya serta mengajar Kitab Allah tersebut. Cuma, dalam usaha Sa'id Hawwa (2017) untuk memahami konsep rabbani, cuba menggeledah sekitar kehidupan personal Ibn 'Abbas yang mendapat gelaran seorang rabbani sebelum beliau merumuskan apa yang boleh difahami dengan istilah "rabbani". Berdasarkan usaha tersebut, beliau menjelaskan:

Di sinilah kita mendapati bahawa keteladanan manusia rabbani termanifestasi dalam hal yang baik sehingga membuatkan Rasulullah SAW mendoakan orang yang memilikinya. Sebagaimana termanifestasi dalam pencarian ilmu dan tawaduk, pengajaran terus-menerus dalam semua keadaan, baik ketika memegang kekuasaan, atau ketika menekuni ilmu secara khusus. Partisipasi sepenuhnya dalam kehidupan. Dia berperang, juga menjawat berbagai jawatan kepemimpinan. Seorang rabbani melaksanakan hak Allah secara sempurna dan utuh, sebagaimana diperintahkan oleh Allah SWT.

Berpandukan catatan berkaitan dengan istilah "rabbani" di atas, maka bolehlah secara keseluruhannya dirumuskan bahawa ia merujuk kepada personaliti unggul yang keberadaannya ditunjangi oleh sejumlah ciri dan karakteristik utama yang meliputi perihal:

1. Penglibatan secara tekun dalam penerokaan, penguasaan dan pengajaran ilmu
2. Kerapatan hubungan dengan Allah SWT; dan
3. Berakhhlak mulia.

Dengan itu, apabila dikaitkan istilah “rabbani” dengan satu manhaj, di mana istilah manhaj itu selalunya didefinisikan sebagai jalan yang jelas ke arah melakukan sesuatu kerja, metode pelaksanaan sesuatu kerja, cara atau kaedah melakukan sesuatu secara sistematik (Muhammad Yusuf et. al 2015), maka istilah “manhaj rabbani” itu menjadi bermakna sebagai jalan, metode atau kaedah bagaimana unsur-unsur rabbani itu dilaksana atau diterapkan untuk misalnya mencapai satu-satu tujuan tertentu. Dalam konteks penulisan ini manhaj rabbani mahu diguna atau diterapkan bagi menghasilkan pembangunan ummah berkualiti.

Seterusnya, timbulah persoalan tentang pelan induk manhaj rabbani yang bagaimana yang boleh dirangka supaya sesuai bagi membangunkan ummah berkualiti? Di sini perlulah dipadankan di antara parameter ummah berkualiti dengan ciri-ciri yang terdapat dalam istilah “rabbani” itu sendiri. Padanan kedua-dua aspek ini perlu diberikan perhatian teliti supaya pelan induk yang dirancang bagi pelaksanaan manhaj rabbani tersebut benar-benar boleh merealisasikan pembangunan ummah berkualiti. Justeru, dalam konteks ini parameter ummah berkualiti yang telah dikenal pasti ialah beriman atau memilki akidah dan beramal soleh (*amanu wa 'amilu al-salihat*) dengan syarat bahawa iman atau akidah tersebut mestilah wujud pada tahap yang benar-benar tulen dan boleh menjadi penggerak yang berkesan kepada pemiliknya. Sedangkan inti sari yang terkandung dalam istilah “rabbani” itu adalah seperti tertera di atas. Oleh itu, padanan sesuai antara kedua-duanya mestilah memberi tumpuan kepada pembangunan akidah supaya berlaku kerapatan hubungan dengan Allah serta pembentukan akhlak mulia yang akan memunculkan laku perbuatan soleh. Oleh sebab pendekatan yang diguna pakai dalam proses pembangunan ini ialah manhaj rabbani, maka penguasaan ilmu mestilah menjadi satu agenda besar yang wajib dilaksanakan kerana istilah “rabbani” itu sendiri ditunjangi dengan kukuh oleh penguasaan ilmu. Dalam konteks ini, aspek penguasaan ilmu ini merupakan satu nilai tambah yang amat bermakna kepada pembangunan ummah berkualiti yang dilaksanakan menerusi manhaj rabbani.

## **PELAKSANAAN PELAN INDUK: MANHAJ RABBANI UMMAH BERKUALITI**

Berdasarkan analisis di atas, maka bolehlah dirumuskan bahawa pelan induk pembangunan ummah berkualiti menerusi manhaj rabbani ini boleh dirangkumkan ke dalam dua kelompok besar untuk dilaksanakan di tengah-tengah masyarakat umat Islam bagi mengesahkan terbentuknya ummah berkualiti. Kelompok tersebut ialah: Pertama, proses pembangunan kerohanian yang melibatkan proses pengukuhan pengangan akidah dan pembentukan akhlak mulia, dan kedua, proses penguasaan dan pembudayaan ilmu.

### **Pembangunan Kerohanian Ummah**

Sesungguhnya amat perlu dipertegaskan bahawa aspek kerohanian dalam diri makhluk manusia merupakan inti sari dan tabi'i sebenar diri mereka yang secara sekaligus mendefinisikan kewujudan mereka sebagai makhluk manusia. Berkaitan tabi'i diri manusia ini Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Sajdah ayat 7 dan 8 seperti berikut:

(Maksudnya): "...dan yang memulai penciptaan manusia daripada tanah. Kemudian Dia menjadikan keturunannya daripada saripati air yang hina (air mani). Kemudian Dia menyempurnakannya dan meniupkan ke dalam (tubuh)nya roh (ciptaan)-Nya..."

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa makhluk manusia itu dicipta oleh Allah SWT daripada dua unsur yang berbeza: Pada satu peringkat manusia dicipta daripada sesuatu yang bersifat material sama ada secara langsung daripada tanah seperti yang berlaku kepada Adam AS, atau dicipta daripada air mani seperti yang berlaku kepada keturunan Adam AS. Aspek inilah yang kemudiannya ditafsirkan sebagai tubuh atau jasad. Unsur kedua bersifat non-material yang

disebut sebagai roh atau unsur kerohanian yang didatangkan secara langsung daripada Allah SWT. Komponen daripada kedua-dua aspek material dan non-material inilah merupakan tabi'i dan mewujudkan makhluk yang dipanggil manusia.

Ditinjau dari perspektif Islam, sebagaimana yang digambarkan misalnya oleh Imam al-Ghazali di dalam Ihya Ulum al-Din (t. th.), unsur non-material atau kerohanian dalam diri manusia itu terangkum sekaligus dalam istilah-istilah yang bukan hanya tertumpu kepada istilah "roh", tetapi juga "kalbu", "nafs" dan "akal". Al-Ghazali menggunakan keempat-empat istilah ini - roh, kalbu, *nafs* dan akal - seolah-olah boleh ditukar-ganti antara satu sama lain, di mana keempat-empatnya merujuk kepada apa yang diungkapkan oleh al-Ghazali sebagai bersifat *latifah rabbaniyyah ruhaniyyah* yang terdapat dalam diri manusia dan merupakan hakikat sejati dirinya. Kewujudan aspek kerohanian inilah menyebabkan manusia ditaklifkan.

Pada prinsipnya, unsur-unsur non-material yang disebutkan di sini, di samping merupakan hakikat jati diri manusia, ia juga berfungsi memberikan ciri kehebatan dan keunggulan makhluk manusia berbanding makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT yang lain. Namun perkara itu hanya akan terlaksana dengan baik apabila aspek kesejadian dirinya itu dikembangkan secara yang sewajarnya dengan mengikut tata cara yang betul sepertimana yang dikehendaki oleh pihak yang mengurniakannya, iaitu Allah SWT. Oleh itu, adalah tepat dan wajar sekali rumusan yang dibuat oleh Dr. Muhammad al-Bahi (1979) di dalam salah satu tulisan beliau dengan mengatakan bahawa kerohanian adalah intisari diri manusia dan ciri-ciri peribadinya. Ia bukanlah sesuatu yang ditampal pada manusia, atau yang asing bagi manusia kerana apabila kerohanian itu menjadi intisari kemanusiaan, maka bermakna kerohanian merupakan pusat hidup dan pusat segala kegiatannya. Justeru itu, perlulah difahami secara tepat bahawa aspek material atau pun jasad manusia dijadikan hanya sebagai tunggangan kepada roh, di mana jasad itu dijadikan untuk kepentingan roh dan bukan sebaliknya.

Hakikat seperti tercatat di atas tidak pula bermakna bahawa aspek kebendaan dalam diri manusia berserta dengan segala keperluannya mesti

diketepikan atau tidak perlu diberi perhatian langsung. Namun di dalam skema ini, ia perlu diletakkan pada tempat dan tarafnya yang wajar berdasarkan kefahaman yang tepat mengenai kedudukan kebendaan dalam keseluruhan skema kehidupan manusia.

Berdasarkan kefahaman yang tepat tentang kedudukan kerohanian seperti dihuraikan di atas, maka aspek kerohanian perlu dibangunkan seutuhnya untuk melahirkan ummah berkualiti. Yang pertama ialah pembangunan kerohanian untuk melahirkan ummah yang teguh iman dan pegangan akidah. Dalam konteks ini, al-Ghazali menyarankan proses atau pendekatan berkaitan pendidikan akidah di dalam kitab *Qawa'id al-'Aqa'id* (t. th.), iaitu salah satu kitab yang terdapat dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*. Al-Ghazali menjelaskan bahawa pendekatan atau proses pendidikan akidah yang mesti diajarkan kepada kanak-kanak dan orang awam adalah menerapkan semua selok-belok isi kandungan akidah melalui empat tahap berikut (al-Ghazali t. th.) iaitu:

- 1) Mestilah dimulai dengan menghafaz;
- 2) Kemudian diikuti dengan proses memahaminya, iaitu dengan dibentuk kefahaman menerusi cara mendedahkan pengertian isi kandungan akidah tersebut sedikit demi sedikit;
- 3) Setelah itu, diiktikad dengan penuh kepercayaan; dan
- 4) Kemudian ditasdiqkan (dibenarkan) dengan penuh keyakinan.

Walaupun pendekatan atau proses saranan al-Ghazali di atas kelihatan agak mudah dan tidak ada apa yang luar biasa, namun kalau diperincikan secara teliti, ternyata ia membabitkan suatu persoalan serius, di mana dua tahap utama dalam diri manusia menjadi terbabit secara langsung. Tahap-tahap tersebut ialah pertama, tahap ingatan dan kefahaman mental di satu pihak, dan kedua, tahap kerpercayaan serta keyakinan dalam diri di pihak yang lain. Tahap pertama tersebut tidak begitu sukar diperoleh oleh seseorang manusia yang normal, asalkan sahaja dia sanggup memberikan waktu kepada hal-hal akidah, seumpama misalnya mengikuti kelas-kelas formal di sekolah atau mendengar dengan teliti penerangan-penerangan

dalam majlis-majlis ilmu tertentu. Namun, tahap ini tidak menjanjikan apa-apa kepastian bahawa pemiliknya akan bertindak mengikut apa yang difahami atau dihafaznya. Ini kerana kalangan orientalis pun misalnya, yang memahami dengan jelas mengenai akidah Islam juga berada di tahap ini. Walaupun begitu, tahap ini tetap juga merupakan satu tahap yang cukup penting kerana ia berfungsi sebagai mukadimah — atau meminjam ungkapan al-Ghazali sendiri bagaikan peringkat ‘menabur biji benih’ (al-Ghazali t. th.,) – kepada tahap kedua yang akan melibatkan persoalan kepercayaan dan keyakinan yang terpahat kukuh lagi mendalam dalam diri seseorang.

Tahap kedua dalam proses penerapan pendidikan akidah seperti yang dicatatkan di atas memerlukan kepada pendekatan yang tersendiri untuk menjamin ia menjadi mantap dan bertapak kukuh dalam diri seseorang. Sememangnya kerja-kerja pemantapan dan pencebatian sesuatu kepercayaan dan keyakinan tertentu dalam diri seseorang sehingga ke tahap ia tidak mudah digugat oleh apa pun juga perkara lain yang mendarang, bukanlah satu perkara yang gampang untuk dilaksanakan. Oleh itu, al-Ghazali telah menyarankan beberapa pendekatan seperti berikut:

- 1) Memenuhi waktu dengan banyak membaca al-Qur'an serta tafsirannya, juga membaca hadith dengan memahami maknanya;
- 2) Memenuhi waktu dengan banyak melaksanakan tugas-tugas ibadat; dan
- 3) Sentiasa bergaul dengan kalangan orang soleh, iaitu dilaksanakan dengan cara sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu mereka serta memerhatikan tingkah laku mereka yang sentiasa tunduk dan menyerah kepada Allah SWT.

Pelaksanaan saranan-saranan dianggap oleh al-Ghazali bagaikan siraman air serta taburan baja untuk menumbuh dan menyuburkan ‘biji benih’ yang sudah sedia ‘disemai’. Al-Ghazali bermaksud di sini bahawa penunaian sempurna kesemua saranan berkenaan akan menghasilkan pengukuhan pegangan akidah dalam diri seseorang. Beliau meyakini bahawa hasil daripada membaca al-Qur'an serta mentelaah hadith secara berterusan, bersama-sama dengan tafsiran dan

kefahaman yang jelas akan menyumbang ke arah bertambah kukuhnya iktikad dan *tasdiq* dalam diri orang yang terlibat. Ini kerana, menurut beliau lagi, di dalam al-Qur'an dan hadith terdapat banyak sekali dalil, hujah serta bukti yang boleh memberi sumbangan untuk memantapkan keimanan atau akidah seseorang. Dalam pelaksanaan tugas ibadat pula, menurut beliau, seseorang akan beroleh sinaran cahaya yang dapat menambahkan rasa keyakinan dalam diri terhadap kebenaran akidah yang dipegang. Sedangkan sikap suka bergaul dengan orang soleh pula bermaksud supaya seseorang dapat mengambil contoh teladan yang baik daripada gaya hidup dan perlakuan harian kalangan orang yang rapat hubungan mereka dengan Allah SWT yang tentunya mempunyai sumbangan tersendiri pula dalam proses pengukuhan akidah (al-Ghazali t. th.).

Seterusnya, fokus perlu diberikan pula kepada proses pembangunan kerohanian untuk melahirkan ummah yang berakhhlak mulia. Dalam perbendaharaan kerohanian Islam terpacak kukuh istilah "*tazkiyat al-nafs*" yang menjadi senjata utama para moralis Muslim mendidik dan membentuk personaliti ummah dengan nilai-nilai akhlak yang mulia. Di samping itu, perlu ditegaskan bahawa Rasulullah SAW datang membawa risalah Islam dengan tujuan utamanya untuk menyempurnakan penghayatan akhlak yang mulia. Maka sudah pastilah Islam perlu menyediakan prasarana dan sistem hidup yang cukup untuk membolehkan terlaksananya tujuan penting tersebut. Oleh itu, sesungguhnya *tazkiyat al-nafs* adalah wadah dan prasarana penting yang disediakan oleh Islam untuk menjadi "lebuh raya" yang digunakan dalam proses merealisasikan matlamat kehadiran risalah Islam tersebut.

Penggunaan teknikal istilah "*tazkiyat al-nafs*" dalam bidang kerohanian Islam merujuk kepada suatu usaha gigih untuk membersihkan hakikat atau zat sejati diri manusia daripada pelbagai sifat yang rendah dan hina (*madhmumah*) untuk dihiaskan zat sejati diri tersebut dengan pelbagai sifat yang mulia dan terpuji (*mahmudah*). Dalam kata lain, *tazkiyah al-nafs* merupakan satu proses usaha gigih kemanusiaan yang mempunyai dua dimensi berikut:

- 1) Proses pembuangan sifat-sifat tercela daripada diri sejati manusia yang juga diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-takhalli*; dan
- 2) Proses penghiasan atau pemakaian diri sejati manusia itu dengan sifat-sifat mulia dan terpuji yang juga diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai “*al-tahalli*” (Mohd Sulaiman 1992).

Jadi, berdasarkan catatan di atas, dapatlah dijelaskan lagi di sini bahawa “*tazkiyat al-nafs*” itu merupakan satu ungkapan teknikal atau istilah lain kepada proses “*al-takhalli*” dan “*al-tahalli*” yang terdapat dalam bidang kerohanian Islam.

Antara sifat-sifat tercela yang mahu dibersihkan daripada diri sejati manusia dalam proses *al-takhalli* ialah *al-kufr* (kekufuran), *al-nifaq* (munafik), *al-shirk*, *al-riya'*, *hubb al-jah* (cintakan kemegahan), *hubb al-riyawah* (cintakan pangkat / kekuasaan), *al-hasad*, *al-bukhl* (bakhil), *al-ghurur* (terpedaya), *al-ghadab* (marah), *hubb al-dunya* (cintakan dunia), *itiba' al-hawa* (mengikut hawa nafsu), serta sifat-sifat lain yang seumpamanya. Manakala sifat-sifat terpuji yang mahu dihiaskan dalam diri sejati manusia dalam proses *al-tahalli* pula, antaranya ialah *al-ikhlas*, *al-sidq*, *al-zuhd*, *al-tawwakul*, *makahah Allah*, *al-khawf wa al-raja'*, *al-shukr*, *al-sabr*, *al-rida*, *al-tawbah*, *al-mustamirrah* dan sifat-sifat lain yang seumpamanya (Mohd Sulaiman 1992).

Ini bermakna bahawa penyempurnaan kedua-dua proses di atas pastinya melahirkan manusia yang berakhhlak mulia dan mempunyai jati diri kelslaman yang tahan uji dalam menghadapi apa juu bentuk serangan luar yang tidak Islamik. Ini kerana, sifat-sifat negatif seperti cintakan dunia, cintakan pangkat, kekuasaan dan kemegahan selalunya menjadikan manusia Muslim goyah pegangan keagamaan dan sekaligus terbawa kepada kehilangan jati diri kelslaman mereka, khususnya apabila disogok dengan hal-hal keduniaan, atau mahukan sesuatu yang bersifat keduniaan.

Kemudian, perkara yang perlu diberikan perhatian adalah berkaitan dengan mekanisme pelaksanaan *tazkiyat al-nas*, iaitu merujuk kepada setiap amalan yang dapat melahirkan kesan langsung lagi positif ke atas *nafs* atau diri manusia,

sehingga dapat menyembuhkan *nafs* berkenaan daripada penyakit, atau *nafs* berkenaan dapat merealisasikan setepatnya nilai-nilai akhlak yang mulia (Hawwa 1988). Pada pandangan Islam, mekanisme pelaksanaan *tazkiyah* yang berlangsung dalam bentuk suatu proses itu mestilah dilaksanakan dengan sempurna dalam ‘ruang legar’ taklif llahi yang pada umumnya terpecah kepada dua dimensi berikut:

**1) Taklif berbentuk suruhan atau amalan saleh, terutama sekali semua amalan fardhu**

Antara amalan utama yang dapat memberi kesan secara langsung dalam usaha *tazkiyat al-nafs* dalam taklif bentuk pertama ini adalah seperti berikut (Hawwa 1988):

:

- Solat
- Puasa
- *Tilawah al-Qur'an* (membaca al-Qur'an)
- *al-dhikr* (zikir)
- Bertafakur mengenai ciptaan-ciptaan Allah SWT
- Mengingati mati (*tadhakur al-maut*) serta pendek angan-angan (*qasr al-amal*)
- *Muraqabah, muhasabah* dan *mujahadah*
- Jihad serta menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kejahanan; dan
- Menyumbangkan khidmat kepada kalangan yang memerlukan serta mengamalkan sifat tawaduk atau rendah diri.

Semua amalan kelslaman yang dicatatkan di atas dianggap oleh bidang kerohanian Islam sebagai *superhighway* yang boleh digunakan seluas-luasnya oleh manusia bagi mencanai *al-nafsy* dalam proses *tazkiyah*. Namun perlu diingatkan bahawa semua amalan ini mestilah dilaksanakan dalam taraf sempurna; iaitu satu taraf pelaksanaan atau penunaian dalam bentuk yang seajar dan menepati antara amalan lahir dan amalan batin sehingga unsur-unsur seumpama *nifaq* serta *riya'* tidak pernah diberi laluan untuk memainkan peranan jahatnya. Dalam kata lain,

semua amalan itu hendaklah diangkat taraf penunaianya ke tahap *al-ihsan*; iaitu segala sesuatu yang dilakukan itu daripada aspek *modus operandinya* mestilah disertai rasa keyakinan serta rasa kehadiran dan kebersamaan Allah SWT yang sentiasa melihat setiap apa yang sedang dilaksanakan dalam setiap detik waktu yang digunakan, sebagaimana yang terungkap dalam definisi *al-ihsan* yang diberikan oleh Rasulullah SAW:

“Bahawa kamu melakukan ibadat kepada Allah SWT (dalam keadaan) seolah-olah kamu melihat-Nya; jika kamu tidak dapat melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu”. (al-Asqalani, t.th).

Hanya apabila segala amalan dilaksanakan pada taraf dan tahap yang dicatatkan di sini barulah amalan-amalan tersebut dapat diharapkan untuk memberi sumbangan yang amat berkesan dalam proses *tazkiyat al-nafs*. Oleh itu, apabila ada kesempatan dalam kehidupan seharian misalnya, melihat kalangan orang yang tekun melaksanakan ibadat sembahyang atau puasa, tetapi bersama-sama pelaksanaan ibadat-ibadat tersebut orang berkenaan masih juga putus-putus melakukan maksiat yang dilarang oleh agama, maka apa yang perlu disimpulkan dalam konteks ini adalah bahawa ibadat orang berkenaan mempunyai masalah yang cukup besar pada tahap *modus operandinya*. Hal ini samalah dengan kes seorang perempuan yang disebutkan oleh Rasulullah SAW sebagai seorang yang begitu banyak melakukan ibadat sembahyang, memberi sedekah dan banyak melakukan ibadat puasa, tetapi lidahnya tidak putus-putus menyakiti jirannya, maka Rasulullah SAW bersabda bahawa tempat perempuan itu di akhirat kelak adalah di dalam neraka (al-Mandhari 1353H.).

## 2) Taklif dalam bentuk larangan dan tegahan

Dalam proses *tazkiyat al-nafs*, biasanya taklif yang kedua ini dihubungkan dengan larangan dan tegahan yang bersangkutan dengan penggunaan tujuh anggota lahir manusia, iaitu mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan dan kaki. Ini bermakna bahawa dalam proses pelaksanaan *tazkiyat al-nafs* anggota lahir yang tujuh tersebut mestilah dibersihkan daripada perbuatan atau perilaku yang ditegah

oleh syari'at Islam. Hal ini dapat memberikan sumbangan besar kepada kemantapan *tazkiyat al-nafs* (Mohd Sulaiman 1992)

Sesungguhnya peranan anggota lahir manusia dalam menjerumuskan mereka ke lembah kebinasaan dalam kehidupan dunia dan akhirat adalah sesuatu yang jelas apabila diteliti kenyataan-kenyataan daripada al-Qur'an dan hadith. Sekadar untuk dijadikan contoh, baca sahaja ayat-ayat al-Qur'an dan hadith di bawah:

(Maksudnya): "Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak daripda jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah SWT), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah SWT) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai (al-Qur'an, al-A'raf, 7:179).

(Maksudnya): Daripada Abu Hurairah RA beliau berkata: Rasulullah SAW disoal mengenai perkara yang banyak menyebabkan manusia masuk syurga. Rasulullah SAW (menjawab) dengan bersabda: "Takwa kepada Allah dan akhlak yang mulia". (Kemudian) disoal pula tentang perkara yang banyak menyebabkan manusia masuk neraka. Rasulullah SAW (menjawab) dengan bersabda: "Mulut dan kemaluan". (al-Nawawi 1985)

Ternyata daripada firman dan sabda di atas bahawa anggota-anggota lahir manusia itu perlu dijaga dengan baik dan dipergunakan secara yang wajar untuk mengelak pemiliknya daripada terjerumus ke lembah kebinasaan. Sebaliknya, apabila jagaan rapi dibuat ia akan memberi sumbangan bermakna kepada proses *tazkiyat al-nafs*. Sehubungan dengan hal ini, seorang tokoh sufi tersohor abad ketujuh Hijrah Shaykh Najm al-Din Kubra (m. 618 H/ 1221 M) di dalam risalah kecil beliau, Adab al-Suluk menjelaskan cara penggunaan tujuh organ tubuh berkenaan, iaitu seseorang *salik* mestilah melindungi ketujuh-tujuh organ tubuhnya daripada apa yang dibenci oleh Tuannya, Allah SWT. Mata harus dicegah agar tidak melihat segala sesuatu yang dilarang dan tidak bermanfaat; telinga tidak boleh mendengar kata-kata umpatan, fitnah dan ucapan-ucapan kotor; lidah mesti dijaga agar tidak melakukan kesalahan serupa dan bibir harus dikunci supaya tidak membicarakan

segala sesuatu yang tidak bermanfaat. Sebahagian kalangan ‘urafa mengatakan bahawa perkataan seseorang hendaklah sentiasa mengucapkan zikir kepada Allah SWT, diamnya haruslah menjadi upaya untuk melakukan renungan dan kontemplasi, melihatnya hendaklah dilakukan demi menarik iktibar. Seorang *salik* juga mesti menjaga perutnya daripada dimasuki segala sesuatu yang haram dan mencurigakan. Dalam hal-hal yang halal juga, dia tidak boleh rakus dan serakah hingga melupakan Allah SWT. Begitu pula dia mesti menjaga kaki dan tangan serta organ seksnya daripada pelbagai hal yang tercela dan dilarang (Kubra 1995).

Di samping catatan-catatan di atas, seseorang yang berjuang untuk melaksanakan *tazkiyat al-nafs* itu juga mestilah mempelajari secukupnya untuk dapat memahami dengan tepat tabiat nafsu dan kelemahan-kelemahan nafsu yang menjadi *superhighway* kepada syaitan untuk menjatuhkan manusia. Seseorang itu juga mestilah mempelajari dengan bersungguh-sungguh untuk mengenali penyakit-penyakit hati serta segala bentuk *modus operandi* untuk mengelak daripada terjebak dalam wabak penyakit tersebut (Hawwa 1988).

Sesungguhnya pembangunan aspek kerohanian secara tepat dan bersungguh-sungguh untuk melahirkan ummah yang teguh pegangan akidah serta mulia akhlaknya merupakan satu agenda penting yang mesti dilaksanakan demi memenuhi keperluan parameter pembangunan ummah berkualiti.

### **Penguasaan dan Pembudayaan Ilmu**

Dari sudut pandangan Islam, status dan keutamaan ilmu amat jelas sekali. Perkataan yang paling awal diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW pun ialah “*iqra*” yang membawa maksud bacalah. Wahyu yang didatangkan dalam bentuk suruhan ‘membaca’ ini amat bermakna dalam proses pengilmuan kerana sesiapa pun juga cukup maklum akan kepentingan pembacaan dalam proses pengilmuan seseorang. Hal ini juga sekaligus bermakna betapa Islam memberikan perhatian yang amat utama terhadap ilmu dan proses pengilmuan. Terdapat di sana-sini ayat-ayat al-Qur'an yang menggalakkan supaya mencari ilmu dan memberikan

kedudukan yang utama kepada orang yang berilmu atau yang bergelar ulama' atau pakar dalam sesuatu bidang ilmu. Perhatikan sahaja ayat-ayat al-Qur'an di bawah yang bermaksud:

"Katakanlah, Wahai Tuhanaku! Tambahkanlah ilmu pengetahuanku." (Taha, 20:114)

"Allah mengangkat orang yang beriman daripada golongan kamu, dan begitu juga orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan beberapa darjat." (al-Mujadalah, 58:11)

"Katakanlah, adakah sama orang yang berilmu pengetahuan dengan orang yang tidak ada ilmu pengetahuan? (Tentu tidak)". (al-Zumar, 39:9)

Jelas sekali daripada kandungan ayat-ayat di atas bahawa tokok tambahan ilmu dalam kehidupan manusia adalah suatu proses yang amat digalakkan. Di samping itu, taraf dan kedudukan orang yang berilmu pula adalah tidak sama dengan orang yang tidak berilmu. Di samping itu, kalau dihitung keseluruhan ayat-ayat al-Qur'an, terdapat hampir 800 ayat yang temanya merujuk kepada aspek atau subjek ilmu (al-Attas 1977).

Kemudian, Rasulullah SAW pula, selaras dengan semangat dan kehendak al-Qur'an memperjelaskan lagi tentang keutamaan ilmu dari sudut pandangan Islam. Sekadar menyebutkan beberapa contoh, bolehlah dikemukakan maksud-maksud hadith seumpama di bawah:

"Apabila seorang anak Adam meninggal dunia, maka terputuslah semua amalannya melainkan tiga perkara, iaitu harta yang diwakafkan (untuk kegunaan orang ramai), ilmu yang berguna dan anak soleh yang mendoakan untuknya." (Muslim, Sahih Muslim, kitab al-wasayah, bab ma yulaqqahu al-insan min al-thawab ba'da wafat ).

"Sesiapa yang merintis jalan ke arah pencarian ilmu. Allah mempermudahkan kepadanya jalan ke syurga. Sesungguhnya malaikat melabuhkan sayapnya tanda setuju dengan apa yang dilakukan oleh penuntut ilmu. Kelebihan orang yang berilmu dalam bandingan dengan hamba Allah yang biasa bagaikan kelebihan bulan dalam bandingan dengan semua

bintang. Sesungguhnya para ulama' itu pewaris nabi. Para nabi sesungguhnya tidak mewariskan sesuatu selain ilmu, maka itu sesiapa yang mengambilnya, bermakna dia memperoleh habuan yang sempurna." (al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, kitab abwab al-ilm, bab ma ja 'afifadl al-fiqh 'ala al- Ibadah; Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, kitab al- sunnah, bab fadl al-ulama' wa al-hath 'ala talb al-ilm).

Cukup jelas bahawa antara keutamaan ilmu adalah pada sifatnya yang berkekalan buat selamanya, dan daerah cakupan faedahnya melangkau sempadan pemisah antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat. Hal ini juga secara tidak langsung mengisyaratkan kepada keperluan dan gesaan supaya ilmu itu dituntut dengan sesempurna mungkin oleh setiap individu Muslim yang memahami secara tepat konsepsi hidup dan khidupan dari perspektif Islam. Kelihatan juga daripada hadith di atas bahawa pencarian ilmu merupakan satu bentuk pelaburan jangka panjang yang amat menguntungkan. Bonus dan dividennya akan boleh terus diterima oleh pemiliknya walaupun mereka sudah tidak lagi berada di muka bumi ini. Di samping itu, ternyata juga bahawa ilmu dapat mengangkat status pemiliknya menjadi penerus tradisi kehidupan yang telah dirintiskan oleh para anbia', iaitu satu taraf atau status yang akan menjadi kebanggaan dan dambaan setiap Muslim yang memahami secara tepat konsep dan hierarki insan daripada perspektif Islam.

Catatan-catatan di atas membolehkan kita membuat kesimpulan bahawa Islam memberikan perhatian yang serius serta memperuntukkan tempat yang cukup bermakna dan istimewa kepada ilmu dan orang yang berilmu.

Selanjutnya amat perlu difahami bahawa daripada perspektif Islam, ilmu dapat berfungsi sebagai teras kekuatan budaya dan kualiti hidup bermasyarakat. Pertamanya, hal ini dapat dijelaskan bahawa ayat al-Qur'an yang paling awal diwahyukan, iaitu "*iqra'*" yang mengandungi makna yang amat utama dalam bidang keilmuan itu mengaitkan "*iqra'*" dengan "*bismi rabbik*" (bacalah dengan nama Tuhanmu). Kemudian, dalam sebuah hadith Rasulullah SAW pula, baginda bersabda bahawa mereka yang mempelajari ilmu bukan kerana Allah SWT, akan disediakan untuk mereka tempat di neraka (al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, kitab al-ilm, bab ma ja 'a fl man yatlibu bi' ilmihi al-dunya).

Pengaitan langsung pencarian ilmu dengan nama Tuhan atau kerana Tuhan sebagaimana yang dapat difahami daripada teks-teks al-Qur'an dan hadith di atas bermakna bahawa dari perspektif Islam, ilmu dan juga turutannya, iaitu tamadun, dalam lingkungan Islam, mestilah dihasilkan dan dibentuk berdasarkan nama dan kerana Allah SWT. Hal ini bermakna bahawa Islam tidak pernah member kebenaran kepada sesiapa pun mencari ilmu dan membentuk tamadun dalam lingkungan Islam atas nama peribadi, atau juga atas tujuan yang berbentuk kebendaan, tidak juga atas nama pemerintah tertentu, atau tanah air serta masyarakat tertentu. Malahan apabila aktiviti itu dimulai dengan nama atau kerana Allah SWT, maka ia bermakna faedah yang terhasil daripada ilmu dan tamadun tersebut tentunya bersifat amat universal, yang di dalamnya terangkum faedah untuk peribadi, masyarakat setempat dan masyarakat antarabangsa, dan selebihnya member faedah kepada manusia dan alam seluruhnya (Mahmud & Sharif 1972). Dengan kata lain, ilmu-ilmu dan tamadun yang dihasilkan menerusi aktiviti-aktiviti keinsanan yang dimulai dengan nama Allah SWT merupakan ilmu dan tamadun yang tidak terputus perhubungannya dengan falsafah dan metafizik Islam. Ia juga bermakna bahawa perkembangannya adalah bersama-sama dengan falsafah dan metafizik tersebut. Ilmu dan tamadun yang sedemikian sifatnya tidak pernah mencapai autonomi atau kebebasan sebagaimana yang berlaku kepada ilmu dalam tamadun Barat sejak Renaissance (al-Muhammady 1977). Di sini jugalah terletaknya garis pemisah yang mutlak sifatnya antara tamadun Islam dan tamadun Barat. Tamadun Islam tumbuh dan berkembang mekar dengan nama Allah SWT; sedangkan tamadun Barat berkembang semata-mata atas nama ilmu (Mahmud & Sharif 1972).

Apabila ilmu-ilmu yang merangkumi ketiga-tiga *maratib*-nya, iaitu *al-hikmah al-Ilahiyyah*, *al-'ulum al-shari'iyyah* atau *al-'ulum al-naqliyyah* serta *al-'ulum al-aqliyyah* terkawal oleh metafizik dan falsafah Islam yang berteraskan tauhid, maka dengan sendirinya penyelewengan tidak berlaku, sama ada dalam konsep ilmu itu sendiri, penyelidikan atau pelaksanaannya dalam kehidupan manusia. Oleh sebab ini jugalah maka sains dalam lingkungan Islam yang berkembang dalam rahim tauhid, tidak menimbulkan fahaman atau falsafah materialisme dan aliran kekuaran

serta kehancuran nilai-nilai suci dan nilai kerohanian sebagaimana yang berlaku dalam tamadun Barat moden terutamanya sejak zaman *Renaissance*. Oleh sebab itu juga, maka tidak timbul dalam lingkungan Islam penyelewengan dalam pelaksanaan atau aplikasi ilmu yang boleh membawa kepada berlakunya pencemaran alam sekitar yang menjadi masalah besar dalam ekologi pada zaman ini, termasuk juga perekaan berbagai-bagai jenis senjata dan alat-alatan yang boleh menjahanamkan manusia dan kemanusiaan mereka (al-Muhammady 1977).

Jadi apabila keadaan ilmu adalah sedemikian konsep serta pelaksanaannya dalam Islam, maka secara tabiinya muncullah golongan intelektual yang mewakili konsep dan pelaksanaan ilmu sedemikian dalam tamadun Islam. Mereka tentunya merupakan kalangan para hukama', memiliki peribadi yang universal, memanifestasikan spektrum atau pancaran cahaya '*aqliyah* dan rohaniah Islam secara sekaligus, serta memahami dasar segala ilmu mengikut paksi tauhid. Sekadar menyebutkan beberapa nama para hukama' yang telah dilahirkan oleh tamadun Islam, maka bolehlah disebut nama-nama seumpama para imam *mujtahidin* yang empat, al-Ghazali, al-Jili, al-Rumi, Ibn Sina, Ibn Khaldun dan lain-lain.

Seperkara lagi yang perlu difahami bahawa Islam mengajarkan hakikat bahawa walau setinggi mana atau sebanyak mana pun manusia beroleh ilmu, namun perolehan itu tetap berada dalam kadar yang sedikit sahaja jika dibandingkan dengan ilmu yang dimiliki oleh Allah SWT. Hal ini jelas sebagaimana yang diungkapkan oleh ayat al-Qur'an berikut:

(Maksudnya) "...kamu tidak diberi pengetahuan melainkan sedikit sahaja." (al-Isra', 17:85).

Kalangan ilmuwan atau hukama' yang menyedari, malah menghayati hakikat ini tentulah selamanya tidak akan berasa angkuh atau sompong dengan ilmu yang dimiliki oleh mereka. Ini kerana mereka faham secara tepat bahawa ilmu mereka tidak seberapa. Ia hanya merupakan serpihan kecil daripada keluasan dan kehebatan ilmu yang dimiliki secara mutlak oleh Allah SWT. Mereka juga cukup

faham bahawa ilmu dalam kadar yang sedikit yang mereka miliki itu merupakan pemberian Allah SWT. Para ilmuwan atau hukama' yang memiliki tunjangan ilmu yang sebegini tentunya akan sentiasa bersedia menyumbangkan daya kreatif mereka untuk kepentingan masyarakat dan manusia seluruhnya sebagai tanda kesyukuran mereka terhadap ilmu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka. Maka dengan ini, nyatalah bahawa ilmu bersama-sama dengan pengawalan metafizik dan falsafah yang berteraskan tauhid, amat bermanfaat kepada masyarakat dan manusia seluruhnya. Ia sekaligus merupakan suatu tenaga kekuatan kepada masyarakat untuk sentiasa bergerak ke hadapan dalam setiap lapangan kehidupan.

Justeru, dalam konteks pengajaran Islam, penguasaan ilmu amat dituntut oleh agama supaya disempurnakan oleh setiap individu umat ini. Apabila ia terlaksana dalam kehidupan maka ia tidak hanya dapat mengeluarkan ummah daripada kancah kehinaan, tetapi pada waktu yang sama juga akan menabur manfaat kepada alam seluruhnya. Ia akan melahirkan tamadun manusia yang berkualiti tinggi dengan segala sesuatu yang baik dan bermanfaat menjadi perkara yang berlangsung pada tahap arus perdana dalam kehidupan harian masyarakat.

Huraian-huraian di atas menyerlahkan hakikat fakta betapa umat Islam amat perlu mengharungi cabaran bagi menguasai ilmu dan teknologi. Keperluan ini tidak hanya untuk kepentingan diri mereka sahaja, tetapi juga untuk kepentingan dan kesejahteraan suasana kehidupan harian di serata alam ciptaan Allah SWT ini yang berupaya tumbuh dan berkembang dalam kerangka penghasilan ilmu berpaksikan tauhid. Justeru, di sinilah pihak berwajib dalam masyarakat Muslim mesti memainkan peranan merubah orientasi dan falsafah pencarian dan penerokaan ilmu daripada bentuk semasa yang diasaskan oleh tamadun kebendaan Barat yang telah banyak membawa kehancuran kepada manusia dan kemanusiaan, kepada pendekatan dan falsafah yang diasaskan oleh Islam yang segalanya berpaksi kepada tauhid seperti mana yang terhurai di atas.

Di sini perlu dicatatkan sebagai satu kesimpulan bahawa ummah yang teguh akidah, mulia akhlak serta menguasai ilmu berteraskan falsafah tauhid yang kesemuanya terbina menerusi manhaj rabbani merupakan jenis ummah berkualiti tinggi yang pastinya berupaya menyumbang kepada kesejahteraan hidup sejagat. Justeru, demi manfaat sejagat, pelan induk manhaj rabbani mesti dijayakan pelaksanaannya, sekalipun pasti berhadapan dengan pelbagai rintangan, khususnya dalam tempoh era pascamoden kini yang perjalanan harian dunia banyak ditentukan arah tujuanya oleh tuntutan dan kehendak tamadun kebendaan Barat.

## PENUTUP

Berdasarkan pemerhatian terhadap senario semasa, perlulah diperakukan bahawa umat Islam sebagai satu ummah tidak mencapai indeks parameter yang diperlukan dalam mengukur status ummah berkualiti. Perlakuan dan gaya hidup mereka umumnya gagal mematuhi parameter yang digunakan, iaitu *amanu wa 'amilu al-salihat* seperti yang dihuraikan sebelum ini. Namun begitu, usaha-usaha untuk mencapai status ummah berkualiti itu semestinya boleh dilakukan, asalkan sahaja umat Islam sedar, sanggup dan beriltizam berganding bahu berkerjasama menjayakan manhaj rabbani seperti yang dijelaskan dalam tulisan ringkas ini. Catatan ringkas mengenai pembangunan rohani dan penguasaan ilmu seperti tercatat di sini perlu diperinci dan diangkat menjadi falsafah dan kurikulum sistem pendidikan negara dari peringkat tadi hingga ke peringkat pengajian universiti. Di samping itu, kurikulum formal itu perlu dibantu oleh khidmat kumpulan sokongan di tengah-tengah masyarakat, khususnya di peringkat institusi keluarga dan pelbagai institusi sosial lain, termasuk masjid dan surau, dan yang paling utama juga media massa dalam pelbagai bentuknya, pelbagai NGO dan persatuan. Kesemuanya mestilah berjalan sederas ke arah untuk merealisasikan kewujudan ummah berkualiti.

Walau bagaimanapun, apabila dibayang-bayangkan suasana semasa ummah di tengah-tengah masyarakat — bersama-sama dengan pelbagai gelagat dan fi'il dalam pelbagai sektor kehidupan, sama ada politik, ekonomi, sosial atau lain-lain — ternyata usaha ini menuntut kesungguhan luar biasa, sehabis kudrat, walaupun kadang-kadang terasa ia bagaikan suatu misi mustahil. Namun, wajar difahami bahawa sesungguhnya inilah antara wajah sebenar jihad yang perlu didepani dan diharungi oleh umat Islam semasa, yang sedar siapa mereka dan apa yang sepatutnya mereka cari dalam kehidupan di dunia ini demi kepentingan serta kesejahteraan hidup di dunia, dan lebih-lebih lagi dalam kehidupan abadi di akhirat nanti.

## RUJUKAN

al-'Asqalani, Ahmad b 'Ali b Hajar. t. th. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Jil 1. Misr: Dar al-Fikr.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

al-Bahi, Muhammad. 1979. *Islam Diliputi Awan Mendung*. Terj. Yusoff Zaki Yacob. Kota Bharu: Pustaka Dian Sdn. Bhd.

Diaz, Enrique. 2014. What is your definition of Quality. *gbnews.ch* [10 Julai 2021].

Dzulkifli Abdul Razak. 2017. "Revolusi Industri ke-4: Mampukah menginsankan teknologi". *Majalah sains. Com*. [8 November 2017]

Fazilah Azni Ahmad. 2008. Apa itu Kualiti. *suekainah. Blogspot.com*. [10 Julai 2021]

al-Ghazali, Abu Hamid. t. th. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 1. Qahirah: Dar al- Kitab al-'Arabi.

Hailan Salamun dan Ashraf Ab Rahman. 2015. *Pertimbangan Ketuhanan Dalam Kepimpinan Politik Rabbani Masyarakat Melayu*. *Proceedings of ICIC 2015 - International Conferenceon Empowering Islamic Civilization in the 21th Century*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

Hawwa, Sa'id. 2017. *Syarah al-Hikam Ibnu 'Atha'ilah As-Sakandari: Mencapai Maqam Shiddiqun & Rabbaniyun*. Terj. Imran Affandi. Shah Alam, Selangor: Pustaka Dini.

Hawwa, Sa'id. 1988. *al-Mustakhlis fi Tazkiyat al-Anfus*. Misr: Dar al-Salam.

Ibnu Katsir. 2020. *Tafsir Ibnu Katsir*. Terj. Arif Rahman Hakim, Shahirul Alim al-Adib, Muhammad Zaini, Nila Nur Fajariyah dan Muh. Faqih Fatwa. 10 Jil. Solo: Penerbit Insan Kamil.

Jum'ah, 'Ali. 2011. *'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. al-Qahirah: Dar al-Muqtam li al-Nashr wa al-Tawzi'

al-Kubra, Shaykh Najm al-Din. 1995. *Adab Suluk: Sebuah Risalah tentang Perjalanan Spiritual*. Terj. Hizbulah Maulana. *Al-Hikmah*. 15 (VI):86-99.

Mahmud, 'Abd al-Halim dan al-Sharif Mahmud. 1972. *Taqdim 'Ala al-Risalah al-Qushayriyyah*. 2 Jil. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah.

Makna Kualiti: Apa itu, Konsep dan Definisi. [ma.encyclopedia-titanica.com](http://ma.encyclopedia-titanica.com). [10 Julai 2021]

al-Mandhari, Zaki al-Din 'Abd al-'Azim Ibn 'Abd al-Qawi. 1353H. *al-Taghib wa al-Tarhibmin al-Hasith*. Jil. 3. Misr: Tab'ah Sabih.

Market Business News. What is Quality? Definition and Examples. [marketbusinessnews.com](http://marketbusinessnews.com). [10 Julai, 2021]

al-Maydani, 'Abd al-Rahman Hasan Hanbakah. 2016. *al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah*. Dimashq: Dar al-Qalam.

Mir, Mustansir. 1987. *Dictionary of Qur'anic Terma and Concepts*. New York: Garland Publishing, Inc.

Mohd Sulaiman Yasin. 1992. *Akhlik dan Tasawuf*. Bangi, Selangor: Yayasan Salman.

Muhammad Faqih. 2021. *Konsep Ummah dan Rakyat dalam Pandangan Islam*. al'Addalah. Vol.24 No 1 (2021):19-28.

Muhammad Uthman al-Muhammady. 1977. *Memahami Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Zakmal Fuad dan Ahmad Fauzi Mohd Shahar. 2015. *Manhaj Dakwah Islamiah*. Dalam *Pengantar Ilmu Dakwah*. Ed. Dr Zulkifli Abd Hamid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Syarul Azman Shaharuddin dan Dr Mariam Abd Majid. Shah Alam, Selangor: Lembaga Zakat Selangor.

M. Yunan Yusuf. 2010. *Tafsir Juz 'Amma: As-Sraju'l Wahhja: Terang Cahaya Juz 'Amma*. Jakarta: Penamadani.

al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya. 1985. *Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

al-Qardawi, Yusuf. 1977. *al-Iman wa al-Hayah*. Qahirah: Maktabah Wahbah.

al-Qaradawi, Yusuf. 1981. *al-Khasais al-'Ammahli al-Islam*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

Qutb, Sayyid. 2000. *Tafsir Fi Zilalil Qur'an: Di bawah Bayangan al-Qur'an*. Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. 17 Jil. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.

Sabiq, Sayyid. t.th. *al-<sup>c</sup>Aqa'id al-Islamiyyah*. Qahirah: al-Fath li i<sup>c</sup>lamal<sup>c</sup>Arabi.

al-Zarqani. 1962. *Sharh al-Muwata' al-Imam Malik*. Jil. 5. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.